

TEKS UCAPAN
YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN OUTREACH AKTA PERLINDUNGAN
SAKSI 2009 (AKTA 696) PADA
25 APRIL 2019 (KHAMIS)

Bismillahirrahman nirrahim,

Salam Sejahtera, Salam Harapan dan Salam Sayangi Malaysiaku

Yang Dihormati DCP Dato' Yusoff bin Mohd Amin

Ketua Pengarah Bahagian Perlindungan Jabatan Perdana Menteri

Yang Dihormati DCP Dato' Mat Kasim bin Karim

Timbalan Ketua Polis Kedah

Yang Dihormati ACP Md Zamri bin Md Zanu

Timbalan Ketua Polis Perlis

Pengarah-pengarah Agensi Penguatkuasaan Negeri Kedah dan Perlis

Ketua-ketua Jabatan

Dato'-Dato' / Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Akta 696; simbolik kedaulatan undang-undang

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri (BPJPM) kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Perasmian Outreach Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696). Mengambil kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada BPJPM kerana dapat menganjurkan program ini sebagai satu tanda komitmen Kerajaan dalam menjunjung dan mendaulatkan undang-undang yang menjadi salah satu asas kerukunan negara ini. Akta 696 merupakan satu-satunya Akta yang memperuntukkan satu program perlindungan saksi yang disenggarakan oleh Ketua Pengarah BPJPM bagi menangani gejala ugutan dan ancaman kepada saksi-saksi penting dalam sesuatu kes jenayah berat terutamanya kes jenayah terancang / sindiket dan melibatkan kepentingan awam.

3. Pada 18 Mac 2019, saya telah diberi taklimat oleh pihak BP JPM mengenai program perlindungan saksi di bawah Akta 696. Saya merasakan peri pentingnya peruntukan perundangan bagi maksud ini demi memastikan kemaslahatan saksi dari aspek keselamatan dan bantuan selaras dengan Seksyen 5, Akta 696. Perlindungan ini tidak terhad kepada saksi tersebut malah meliputi keluarga dan sesiapa jua yang berkemungkinan besar terjejas dan terancam ekoran pemberian maklumat oleh saksi berkenaan terhadap pihak berkuasa penyiasatan dan pendakwaan.

Rule of Law; konsep keadilan untuk semua

4. YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, bahawa Kerajaan amat komited dalam menegakkan rule of law iaitu mendaulatkan undang-undang yang lahir dalam Perlembagaan Persekutuan yang luhur. Semua rakyat tidak mengira pangkat, peringkat mahu pun kedudukan tidak kebal dan tidak boleh mengatasi undang-undang. Ini sentiasa ditekankan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia mengenai peri pentingnya sebuah negara yang mempunyai rakyat berintegriti tinggi adalah asas / tunjang kepada keharmonian dan kredibiliti sesebuah negara. Setiap rakyat memiliki access to justice tanpa pilih kasih atau melindungi pihak tertentu. Kedaulatan undang-undang didokong oleh badan perundangan / kehakiman / eksekutif yang cekap dan tidak dipengaruhi antara setiap badan-badan ini. Kerajaan akan sentiasa memastikan undang-undang di negara ini dikuatkuasakan seadilnya dan dalam masa yang sama akan berusaha memperbaiki, meminda dan memansuhkan mana-mana peruntukan yang dilihat berat sebelah dan lapuk.

The Way Forward; Ekspektasi dan komitmen Kerajaan

5. Dalam konteks BP JPM, pelbagai inisiatif sedang diusahakan Kerajaan dalam menambah baik seterusnya menegakkan rule of law. Malah, saya memuji dan menghargai atas pencapaian prestasi melindungi saksi daripada sebarang ancaman dengan kawalan keselamatan 100% tanpa kecelakaan dan kecuaiian. Kejayaan menguruskan saksi dalam memberi perlindungan sehinggalah saksi memberi keterangan di mahkamah waima pasca proses

penghakiman sekalipun, BP JPM dapat melaksanakannya dengan jaya. Syabas saya ucapkan.

6. Saya berharap kejayaan ini akan menjadi motivasi kepada BPJPM untuk meningkatkan mutu perkhidmatan setanding agensi-agensi perlindungan saksi di peringkat antarabangsa. Jaringan dan kerjasama strategik perlu sentiasa disemai bagi memastikan perkongsian / pemindahan teknologi / pengetahuan di tahap terbaik. Setiap warga kerja merupakan modal / aset terpenting yang perlu diberi perhatian dan dibangunkan kompetensi dan potensinya termasuk pembangunan psikologi supaya mencapai tahap profesionalisme dan kepakaran yang diharapkan oleh stakeholders. Malah, dalam senario politik dan perkembangan teknologi yang drastik, BP JPM perlu sentiasa peka dan siap siaga bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berkualiti sebagai agensi ulung dalam melindungi saksi. Di samping itu, saya sedar bahawa dalam memberikan perkhidmatan terbaik, risiko / ancaman keselamatan tidak boleh dipandang ringan. Selaku Kerajaan, saya akan berusaha untuk mengemukakan cadangan penambahbaikan remunerasi dan pemerkasaan struktur BP JPM.

7. Pindaan / Penambahbaikan undang-undang yang sentiasa diambil berat oleh Kerajaan, menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memelihara kepentingan saksi bukan sekadar pra dan semasa program, malah ia meliputi pasca program. Rasional perlindungan jangka panjang ini adalah amat diperlukan berikutan subjektiviti tahap keselamatan saksi terutama selepas sesuatu program itu tamat. Kerajaan juga dalam memelihara

keselamatan saksi, akan memastikan mahkamah-mahkamah mempunyai kamar-kamar khas bagi memastikan keselamatan saksi-saksi yang dilindungi tidak terjejas. Ini secara langsung dapat menjamin keberkesanan sesuatu prosiding perbicaraan di mahkamah.

8. Tidak dinafikan, Malaysia berazam untuk berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju, malah ada beberapa sektor di Negara ini yang lebih hebat di peringkat antarabangsa. Oleh demikian, adalah perlu kerjasama strategik peringkat antarabangsa dilaksanakan oleh BPJPM dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan. Mungkin, pada suatu masa, Malaysia mampu menjadi hab perlindungan saksi yang ulung di mata dunia.

Malaysia Bersih: Iltizam bersama rakyat Malaysia memerangi rasuah

9. Tanggal 29 Januari 2019, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Anti Rasuah Kebangsaan (National Anti Corruption Plan) (NACP) 2019-2023. NACP jelas menunjukkan bahawa Kerajaan mahupun seluruh rakyat Malaysia beriltizam dan berhasrat memerangi rasuah sehingga ke akar umbi. Sektor perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, urusan tadbir politik dan korporat, pentadbiran sektor awam, perundangan dan juga kehakiman adalah sektor-sektor yang sentiasa terdedah dengan pelakuan rasuah dan salah guna kuasa. NACP yang dilancarkan mengandungi 115 inisiatif yang antaranya mengasingkan skop tugas Menteri dan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian sebagai satu langkah mengelakkan perkhidmatan awam dipengaruhi unsur-unsur politik. Pelan ini diharapkan mampu

membudayakan rakyat Malaysia untuk membenci rasuah sejak di bangku sekolah.

10. Akhir kata, saya mengambil peluang di sini berkongsi satu lagi ucapnama YAB Perdana Menteri semasa Majlis CEO Yayasan Kepimpinan Perdana pada 4 April 2019, bahawa Malaysia beriltizam akan menjadi sebuah negara berintegriti di mana rakyatnya secara bersama memerangi rasuah hingga ke akar umbi dan percaya bahawa kredibiliti Malaysia sebagai Harimau Asia akan kembali bangkit. Dengan itu, saya merasmikan Majlis Program Outreach Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696).

Sekian, terima kasih